

ULASAN

Lihat poster di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam poster tersebut, lengkapkan ulasan yang panjangnya antara **80 hingga 100 patah perkataan**. Seret jawapan yang diberi dan letakkan pada ruang kosong yang sesuai.



meningkatkan kadar ponteng

mengalami ganggu emosi

tindakan yang membahayakan nyawa

prestasi akademik mereka merosot

mengalami kecacatan kekal

kesan-kesan perbuatan buli

berasa takut untuk ke sekolah

menumpukan perhatian terhadap pelajaran

Poster di atas membincangkan tentang (1) _____ kepada mangsanya. Antara kesan perbuatan buli ialah mangsa akan (2) _____. Hal ini akan (3) _____ dalam kalangan pelajar yang dibuli. Selain itu, mangsa akan (4) _____ dan berasa tertekan. Mangsa buli biasanya akan mengalami trauma dan mungkin mengambil (5) _____. Di samping itu, mangsa buli tidak dapat (6) _____ di sekolah. Hal ini akan mengganggu prestasi pembelajaran pelajar yang menjadi mangsa buli, menyebabkan (7) _____ dan akhirnya mereka gagal dalam peperiksaan. Seterusnya, mangsa buli juga boleh (8) _____ akibat daripada perbuatan si pembuli.